

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (28)  
Tarikh : 9 Mei 2014

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "INGIN BELAJAR, TETAPI TIADA SIJIL KELAHIRAN" BERTARIKH 05 MEI 2014, ISNIN – M.S: MUKA DEPAN & 6**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Thiviya Sarviniya yang tidak memiliki sijil kelahiran walaupun berusia 12 tahun.
3. Untuk makluman, jabatan ini menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh pengadu kerana beliau gagal untuk dihubungi.
4. Sehubungan dengan itu, mohon ibubapa Thiviya Sarviniya untuk hadir di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran untuk mendapatkan penjelasan lanjut serta mendapatkan borang pendaftaran lewat kelahiran untuk diproses dan seterusnya dikeluarkan sijil kelahiran lewat sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Negara ini.
5. Bagi tujuan rujukan awal syarat permohonan bagi daftar lewat kelahiran adalah seperti berikut;  
Pemohon hendaklah terdiri daripada dua (2) orang iaitu:
  - a) Ibu dan bapa kanak-kanak
  - b) Ibu atau bapa dan seorang penganjur yang mengetahui mengenai kelahiran yang umurnya 10 tahun lebih tua daripada kanak-kanak (jika ibu atau bapa tidak dapat dikesan / meninggal dunia)
  - c) Dua (2) orang penganjur yang mengetahui mengenai kanak-kanak tersebut dan masing-masing berumur 18 tahun dan ke atas di mana perbezaan umur sekurang-kurangnya 10 tahun lebih tua daripada kanak-kanak (jika ibu dan bapa tidak dapat dikesan / meninggal dunia);
  - d) Dua (2) orang penganjur yang merupakan Pegawai Kebajikan Masyarakat atau dua (2) orang yang diberi hak penjagaan kanak-kanak mengikut Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 (jika kanak-kanak yang dijumpai terdedah).

6. Untuk maklumat lanjut juga pihak Thiviya Sarviniya boleh menghubungi Pejabat Perkhidmatan Pelanggan di talian 03-8880 7077/ 7071/ 8206/ 7067 atau melalui emel ke [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my) .

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

### **Pejabat Perhubungan Awam,**

Jabatan Pendaftaran Negara,

Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)